

# Dua peniaga kena kompaun

**Gagal letak tanda harga khas merah jambu pada barangan harga kawalan**

MOHD RIDZUAN  
 ABU HASSAN

KUALA KUBU BHARU

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Kubu Bharu merekodkan dua kes kesalahan tidak meletakkan tanda harga khas berwarna merah jambu pada barangan harga kawalan.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Kuala Kubu Bharu, Ahmad Zambri Che Long berkata, pihaknya melakukan pemeriksaan ke atas 703 perniagaan serpena Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa sekitar daerah ini.

Menurutnya, pemeriksaan dijalankan bermula 21 Mei hingga



Ahmad Zambri (kiri) mengesetual operasi pemeriksaan harga kawalan di bawah skim bersempena hari raya puasa di beberapa pasar awam.

4 Jun lalu.

"Peniaga terbabit dikompaun apabila gagal mematuhi peraturan ditetapkan di bawah skim tersebut membabitkan 27 jenis barangan

yang berkuat kuasa sehingga 19 Jun ini.

"Tiada peniaga yang melakukan kesalahan mengenakan harga melebihi harga kawalan dan kom-

paun tersebut melibatkan kesalah lagan gagal meletakkan tanda harga khas.

"Pemeriksaan dan pementauan dilaksanakan secara ber-

## info

Senarai barang kawalan termasuk ayam hidup, telur gred A, daging lembu tempatan, bawang merah, kacang tanah, cili kering dan ikan selayang

terusan termasuk selepas Aidilfitri bagi memastikan tiada peniaga mengambil kesempatan demi kepentingan pengguna," katanya.

Ahmad Zambri berkata, senarai barang kawalan tersebut termasuk ayam hidup, telur gred A, daging lembu tempatan, bawang merah, kacang tanah, cili kering dan ikan selayang.

Menurutnya, antara kawasan perniagaan diperiksa membabitkan pasar awam di Bukit Sentosa, Sungai Buaya, Kalumpang, Kuala Kubu Bharu, Pasar Peladang dan bazar Ramadan.

"Apabila skim ini diperkenalkan pengguna boleh menikmati pelbagai manfaat dengan harga barang yang berpatutan," katanya.